

Latihan Apitan Ke-an

Isikan tempat- tempat kosong dengan perkataan yang diberi.

kecuaian kemarahan kecemasan keuntungan kelaziman
kemahuan kehadiran kemusnahan kekurangan kemiskinan

1. Syarikat itu mendapat _____ yang besar pada tahun lepas.
2. Abang Azwan mempunyai _____ yang kuat untuk belajar melukis.
3. Projek itu terpaksa dihentikan kerana _____ wang.
4. Membaca surat khabar sebelum ke pejabat, sudah menjadi suatu _____ bagi ayahnya.
5. Peperanganlah yang menyebabkan rakyat di negara itu hidup dalam _____.
6. Kebakaran itu telah menyebabkan _____ harta benda yang banyak.
7. Kemalangan jalan raya yang berlaku malam tadi berpunca daripada _____ pemandu bas mini yang terbabit.
8. Perbuatannya yang menjolok mata itu telah menimbulkan _____ ibu bapanya.
9. _____ guru-guru dalam seminar itu sangatlah penting.
10. Penumpang-penumpang boleh keluar melalui pintu yang terdapat di bahagian belakang bas itu sewaktu berlaku sebarang _____.

kehausan kebolehan kesengsaraan

kejayaan kesilapan kemudahan

11 .Saya _____ selepas berlari.

12.Kamu tentu akan mencapai _____ yang cemerlang jika rajin berusaha.

13.Ujian itu diadakan untuk menguji _____ murid-murid.

14.Peperanganlah yang menyebabkan rakyat negara itu hidup dalam _____.

15.Dia yang melakukan _____, saya pula yang disalahkan.

16.Pejabat pos merupakan salah satu _____ awam yang penting.